

## 43 dapat kelengkapan raya baru



DR Yuserrie (kanan) bersama Dr Mimi Sakinah membantu memilih pakaian.

Tiada yang lebih istimewa buat 19 keluarga membabitkan 43 kanak-kanak apabila mendapat kelengkapan pakaian untuk menyambut Aidilfitri disumbangkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP, semalam.

Mereka dibawa ke pusat beli-belah di bandar ini untuk memilih sendiri pakaian terutama baju Melayu dan baju kurung yang memberi pengalaman berharga kerana ada dalam kalangan mereka tidak menerima sebarang

sumbangan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin dan Presiden Persatuan UMP Prof Dr Mimi Sakinah Abdul Munson turut sama membantu keluarga terbabit memilih pakaian.

Bagi Halijah Tawil, 70, dari Kampung Serum Dalam, Nenasi Pekan, dia berterima kasih kepada UMP kerana memilih cucunya, Hamidah Mohd Ali, 3, sebagai penerima sekali gus menceritakan sambutan Aidilfitri tahun ini.

VARIAN METRO (TIMUR) 22 JUN 2017 (KHAMIS)

M/S: 64